

# TUANKU RAJA SYED PUTERA JAMALULLAIL RAJA NEGERI PERLIS KELIMA

oleh: REJAB F.I.

SYED PUTERA IBNI ALMARHUM SYED HASSAN JAMALULLAIL, Raja negeri Perlis yang kelima, diputerakan pada 25 November 1920 bersamaan 2 Safar 1338 Hijrah (tarikh perayaan ulangtahun keputeraan baginda), dilantik sebagai Raja negeri Perlis pada 4 Disember 1945 dan ditabal menjada Raja pada 12 Mac 1949.

Ayahanda baginda, Tuan Syed Hassan Ibni Almarhum Tuan Syed Mahmud Jamalullail, anak saudara almarhum Tuanku Raja Syed Alwi (Raja Negeri Perlis yang keempat). Bonda baginda bernama Almarhumah Puan Wan Teh binti Endut.

Tuan Syed Hassan Jamalullail dilantik bakal Raja Perlis tetapi tidak sempat menaiki takhta kerajaan kerana mangkat dalam tahun 1935. Kerajaan British melantik Syed Putera menjadi bakal Raja Perlis menggantikan ayahanda baginda pada 4 April 1938.

Tuanku Sved Putera mula bersekolah di Sekolah Melayu Arau, melanjutkan pelajaran ke Penang Free School. Dalam tahun 1939, baginda berangkat pulang ke Perlis untuk mendapat latihan dan pendedahan sebagai bakal raja.

Baginda juga mendapat pendedahan dalam bidang perundangan dan pentadbiran di Mahkamah Rendah, Kangar, Pejabat Tanah Kuala Lumpur dan Mahkamah Pengadil di Kuala Lumpur.

Ketika di Kuala Lumpur, baginda melangsungkan perkahwinan dengan Tengku Budriah Almarhum Tengku Ismail, cucunda bekas Raja Pattani, keluarga terdekat Sultan Kelantan.

Apabila Tuanku Raja Syed Alwi Jamalullail mangkat pada 3 Februari 1943, almarhum tidak mempunyai putera atau pun puteri, tentera Jepun yang memerintah Malaya ketika itu, melantik Tuan Syed Hamzah Ibni Almarhum Syed Safi Jamalullail, saudara seayah kepada Almarhum Syed Alwi Jamalullail, menjadi Raja Perlis.

Pada masa itu, Tuanku Syed Putera menjalankan perniagaan. Perniagaan baginda begitu maju sehingga membimbangkan pemerintah Jepun. Oleh kerana terancam, baginda sekeluarga berangkat ke Kelantan sehingga Jepun menyerah kalah.

Setelah British kembali memerintah Tanah Melayu, pada 4 Disember 1945 baginda berangkat pulang ke Perlis dan dilantik oleh kerajaan British menjadi Raja Perlis, ditabalkan pada 12 Mac 1949. Tengku Budriah ditabal menjadi Raja Perempuan Perlis.



Istiadat pertabalan baginda berdua dihadiri oleh Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British, wakil-wakil Sultan Negeri-negeri Tanah Melayu dan pembesar-pembesar Persekutuan. Baginda melantik putera baginda Syed Sirajuddin menjadi Raja Muda Perlis.

Sepanjang usia pemerintahan baginda, dalam tahun-tahun 40-an, baginda turut bersama rakyat menentang Malayan Union dan terlibat dalam penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Pada tahun 1957, baginda turut bersama dalam proklamasi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bulan April tahun 1960, Sultan Hisamuddin Alam Shah (Sultan Selangor) dipilih oleh Majlis Raja-Raja Melayu menjadi Yang Di Pertuan Agong kedua Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Tuanku Abdul Rahman (Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan) yang telah mangkat. Tuanku Syed Putera dipilih menjadi Timbalan Yang Di Pertuan Agong.

Apabila Sultan Hisamuddin Alam Shah mangkat, pada 21 September 1960, Tuanku Syed Putera dilantik menjadi Yang Di Pertuan Agong ketiga, ditabalkan pada 4 Januari 1961 manakala Tengku Budriah menjadi Raja Permaisuri Agong.

## SEJARAH PEMERINTAHAN

Ketika baginda menjadi Yang Di Pertuan Agong, antara bulan Ogos 1960 hingga September 1965, negeri Perlis diperintah oleh sebuah Majlis Pemangku Raja kemudian menantu baginda Tengku Sulaiman Ibni Almarhum Tengku Bendahara Abu Bakar (johor), suami Sharifah Salwa, puteri sulung baginda, dilantik menjadi Pemangku Raja Perlis.

Baginda berdua juga menjadi Yang Di Pertuan Agong yang pertama apabila wujudnya Malaysia pada 16 September 1963.

Pada masa menjadi Yang Di Pertuan Agong, baginda berangkat melawat India, Jepun, Korea, Republik Arab Bersatu dan Saudi Arabia menyempurnakan fardu Haji di Mekah.

Tuanku Syed Putera merupakan ketua negara yang pertama di anugerahkan Bintang Darjah Kerabat Malaysia pada 21 September 1965. Pada bulan November 1970, baginda dipersempahkan pangkat Jeneral Kehormat oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

Baginda juga dilantik sebagai Kolonel Yang Di Pertua Rejimen Renjer Malaysia semenjak tahun 1970 hingga sekarang (1999). Baginda begitu memberi perhatian kepada Rejimen tersebut.

Sebagai Raja Negeri Perlis, Tuanku Syed Putera dan Raja Perempuan sering melawat dan berdamping rapat dengan rakyat, Raja Perempuan begitu memberi perhatian kepada kanak-kanak miskin, baginda sendiri berangkat menyampaikan derma kepada kanak-kanak miskin di sekolah-sekolah.

Tuanku Syed Putera banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan pendidikan di negeri Perlis. Baginda berkenan dan menyumbangkan derma kepada penubuhan '*Tabung Derma Pelajaran Negeri Perlis*'. Menerusi Tabung tersebutlah berjaya mendirikan Sekolah Inggeris Derma iaitu sekolah Inggeris yang pertama didirikan di negeri Perlis pada tahun 1948.

Pada tahun 1971 hinggalah sekarang baginda masih menjadi Canselor Universiti Sains Malaysia.

Baginda juga memberi dorongan dan sokongan kepada kerajaan negeri Perlis agar berusaha menjadikan negeri Perlis sebagai 'Negeri Ilmu'.

Sempena perayaan Hari Keputeraan baginda yang ke 69, pada 6 Oktober 1986, baginda telah melancarkan penubuhan '*Yayasan Tuanku Syed Putera*' untuk membantu pembangunan pendidikan dan kebajikan rakyat Perlis.

Tuanku Syed Putera merupakan ahli sukan yang aktif terutama sekali dalam permainan tenis, golf dan menembak.

Baginda dengan Tengku Budriah dianugerahkan lima orang puteri iaitu Sharifah Salwa, Syed Sirajuddin (Raja Muda Perlis), Syed Badaruddin, Sharifah Julina, Sharifah Azwan, Sharifah Junita, Syed Amir Zainol Abidin, Syed Razlan, Syed Amir dan Syarifah Endah.

Bersama permaisuri baginda yang kedua Cik Mariam, dikurniakan tiga orang putera dan seorang puteri iaitu Syed Zainol Rashid, Syed Azmi, Syed Badlishah dan Syarifah Melaine.

Tuanku Syed Putera Jamalullail merupakan Raja Perlis yang paling lama memerintah Perlis dan ketika ini merupakan raja yang tertua di kalangan Raja atau Sultan Melayu di Malaysia.

Rakyat negeri Perlis begitu berbangga kerana dikurniakan seorang raja yang berpengalaman dan berjiwa rakyat.

**Rujukan:**

1. *Encik Yaakob Cha, Setiausaha Sulit DYMM Tuanku Syed Putera dan Encik Hamid Salleh, Pegawai Istana Arau : Temuramah.*
2. *Haji Buyong Adil, 'Sejarah Perlis', Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.*
3. *Risalah 'Pameran Raja Kita' Sempena Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis ke 74, Anjuran Kerajaan Negeri Perlis, 19 Ogos hingga 2 September 1991, susunan Husaini Abas.*
4. *Encik Ahmad Ismail, Tokoh Sejarah Perlis : Temuramah 1980 (meninggal dunia 4 November 1988).*
5. *Ahmad Ismail & Yazid Mat, Perlis Indera Kayangan, 20 Julai 1979 (yang belum diterbitkan).*
6. *Album Di Raja Tuanku Syed Putera Jamalullail, Kerajaan Negeri Perlis, 1995.*

**RENUNGAN**

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya :

*“ Wahai hamba-hamba Allah, hendaklah kamu berubat kerana sesungguhnya Allah tidak mengenakan penyakit melainkan menyediakan ubatnya selain satu penyakit iaitu tua.”*

Riwayat Ahmad